

24/05/1997

MPK jangan leka pengiktirafan ISO 9001

Shariffudin Mohamed

KUANTAN, Jumaat - Menteri Besar, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob mengingatkan Majlis Perbandaran Kuantan (MPK) supaya tidak leka atau berkhayal dengan pengiktirafan antarabangsa ISO 9001 yang diterimanya.

Beliau berkata, walaupun MPK adalah pihak berkuasa tempatan (PBT) yang pertama di negara ini menerima ISO 9001, tidak bermakna cabarannya sudah berakhir.

Menurutnya, MPK kini menghadapi cabaran baru yang lebih besar iaitu mengekalkan pengiktirafan itu.

"Caranya tiada lain kecuali terus berusaha meningkatkan mutu kerja dan perkhidmatan kepada warga Kuantan.

"Oleh itu, MPK bukan sekadar memastikan perkhidmatan yang mereka berikan setanding dengan kutipan hasil tahunan, malah dapat memenuhi jangkaan orang ramai," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis penerimaan Sijil ISO 9001 daripada SGS Yarsley, syarikat perunding dari Britain yang mengeluarkan pengiktirafan itu kepada MPK, di Kompleks Belia Indera Mahkota, di sini, hari ini.

Wakil SGS Yarsley, Charles Upchurch menyerahkan sijil itu kepada Mohd Khalil bagi pihak MPK.

Sempena majlis itu, MPK menandatangani perjanjian dengan Midworld Consultants Sdn Bhd, bagi membantunya melaksanakan Geographical Information System (GIS) atau Sistem Maklumat Grafik.

Mohd Khalil berkata, mulai sekarang, kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan akan mengenakan denda terhadap mereka yang menebang pokok sesuka hati.

Sambil kesal dengan perbuatan itu yang berterusan berlaku, beliau mahu PBT tidak saja mengeluarkan notis amaran, sebaliknya mengenakan denda mengikut undang-undang.

"Ini selaras dengan arahan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang mahu rakyat negara ini, terutama pemaju dan kontraktor tidak sesuka hati menebang pokok," katanya.

Mengenai kebersihan, beliau juga mengarahkan PBT menggantung permit premis makanan yang didapati melanggar peraturan kesihatan seperti dapur dan tandas kotor selama setahun dalam tiga kali pemeriksaan.

"Saya sudah bosan dengan sikap orang ramai yang mengotor kerana tidak sesuai dengan negara ini yang sedang pesat membangun," katanya.

(END)